



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
DATUK MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN TUDM (B)

Naib Presiden
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN SHAH JAHANKHIR BIN HAMEED

Setiausaha Kehormat
HABIBULLAH BIN DATO' HJ AHMAD

Bendahari Kehormat
DATIN MAHFUZH ZAKKIAH BINTI HJ ABDAIN

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Ahli-ahli Jawatankuasa
HAJI KHAIDZER BIN HAJI KEDAH
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR
MEJAR JEN. DATO' PAHLAWAN HJ. ABD SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)
DATO' ROSMARAYU BINTI MOKHTAR
DATO' MOHID BIN MOHAMED
AISHAH BINTI MAT DESA
DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER
ADILA BIN DATO' ABDULLAH

Juruaudit Dalam
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DATO' DR. S. PRABAKARAN

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR B. HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ B. HJ. ISHAK

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATO' SRI GAN PENG LAM

Pengerusi Negeri Sembilan
DATO' MOHAMED ASLAM BIN SERAJA DIN

Pengerusi Negeri Sabah
MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

Pengerusi Negeri Sarawak
ABDUL HASSAN BIN BAKONG

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2024(60)

26 DISEMBER 2024

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

SURAT EDARAN PIKM KE-60/2024:

SURAT ARAHAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI MEWAJIBKAN PENGAWAL KESELAMATAN UNTUK MENJALANI PROGRAM LATIHAN CERTIFIED SECURITY GUARDS (CSG) PADA TAHUN 2025

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Bersama ini diedarkan surat arahan Kementerian Dalam Negeri (KDN) Rujukan: KDN.K.S.700-3/1/18 Jld 2 (2) bertarikh 27 Disember 2024 yang mewajibkan pengawal keselamatan untuk menjalani Program Latihan *Certified Security Guards* (CSG) bagi Tahun 2025. Turut dilampirkan adalah jadual latihan bermula bulan Januari 2025 sehingga Disember 2025. Makluman yang sama telah dimuatnaik ke dalam laman web rasmi PIKM (www.pikm.my) serta Portal e-PIKM (www.e-pikm.my).

3. Bagi tujuan pembaharuan lesen Agensi Persendirian tahun 2026, syarikat diwajibkan memenuhi jumlah kuota latihan CSG seperti yang ditetapkan melalui surat KDN berkenaan, berdasarkan baki jumlah pengawal keselamatan tempatan yang masih belum menghadiri Program Latihan CSG.

4. Walau bagaimanapun, adalah dimaklumkan bahawa yuran latihan bagi seorang pengawal keselamatan **di semua Pusat Latihan adalah kekal sebanyak RM550.80 KECUALI yuran latihan di Maktab PDRM Teknik Bakri Muar, Johor sebanyak RM602.70.**

5. Di samping itu juga, PIKM memandang serius berhubung isu pembatalan latihan dari beberapa siri latihan yang lepas disebabkan jumlah kehadiran peserta yang tidak mencapai jumlah minimum kapasiti yang ditetapkan oleh Pusat Latihan selain dari kegagalan syarikat menghantar peserta mengikut jumlah pendaftaran latihan di Portal e-PIKM.

6. Isu ini telah menimbulkan kesukaran kepada pihak Persatuan yang perlu mengeluarkan lebihan perbelanjaan bagi menampung kos makanan dan kos penginapan yang telah disediakan bagi hari pertama kepada pusat latihan. Selain itu, isu pembatalan turut memberi kesan kepada syarikat yang telah mendaftar dan hadir untuk menjalani latihan.

7. Ahli juga disarankan untuk mematuhi arahan seperti yang dijelaskan melalui Surat Edaran PIKM Bil 22/2019 bertarikh 13 Disember 2019 (seperti di kembaran surat) berhubung **potongan yuran latihan sebanyak RM150.00 terhadap peserta berdaftar yang gagal menghadiri latihan, pelaksanaan Cut Off Time pendaftaran dan bayaran latihan serta penggunaan Sistem FPX sepenuhnya sebagai medium pembayaran bagi pendaftaran kursus latihan.**

8. Syarikat juga perlu peka dengan sebarang pindaan jadual latihan yang akan dimaklumkan melalui Portal e-PIKM dari semasa ke semasa.

Perhatian dan tindakan Ahli-ahli Persatuan berkaitan perkara di atas didahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,



**DATUK MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN ENAM @ IMAN
PRESIDEN**



Ruj. Kami: KDN.K.S.7003/1/18 Jld 2 (12)
Tarikh : 27 November 2024

**YBhg. Datuk Mohammad Ubaidillah Iman
Presiden**

Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM)
Unit 715 & 716, Blok A, Tingkat 7
Kelana Business Centre, Jalan SS 7/2, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor

YBhg. Datuk,

**ARAHAN MEWAJIBKAN PENGAWAL KESELAMATAN UNTUK MENJALANI
PROGRAM LATIHAN *CERTIFIED SECURITY GUARDS* (CSG) PADA TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk, Program Latihan *Certified Security Guards* (CSG) akan terus dilaksanakan pada tahun 2025 seiring dengan komitmen Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk memantapkan lagi kualiti perkhidmatan syarikat kawalan keselamatan di negara ini. Program latihan ini juga akan terus diadakan bagi meningkatkan lagi keupayaan dan kapasiti pekerja tempatan sebagai langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

3. Sehubungan dengan ini, semua syarikat kawalan keselamatan yang berlesen di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 wajib memenuhi jumlah kuota pengawal keselamatan tempatan yang telah mengikuti latihan CSG pada tahun 2025 seperti berikut sebelum layak untuk dipertimbangkan bagi pembaharuan lesen Agensi Persendirian pada tahun berikutnya:

Baki jumlah pengawal keselamatan yang masih belum menghadiri latihan CSG pada tahun 2025	Kuota Latihan CSG
101 pengawal dan ke atas	Minimum 70%
Kurang daripada 100 pengawal	Minimum 70 orang

4. Penetapan kuota ini adalah ke atas jumlah baki pengawal keselamatan tempatan yang masih belum menghadiri program latihan CSG. Pengawal keselamatan yang telah menghadiri latihan CSG sebelum tahun 2025 tidak diambil kira dalam pengiraan kuota latihan CSG bagi tujuan pembaharuan lesen Agensi Persendirian untuk tahun akan datang.

5. Semua syarikat kawalan keselamatan adalah dinasihatkan untuk membuat perancangan awal bagi memastikan semua pengawal keselamatan menghadiri program latihan CSG berdasarkan kepada jadual siri latihan yang telah ditetapkan oleh KDN dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). PDRM telah menyediakan jumlah kapasiti latihan yang mencukupi dan jurulatih yang terlatih bagi melaksanakan program latihan CSG di pusat-pusat latihan polis di seluruh negara.

6. Bersama-sama ini dikemukakan jadual latihan CSG untuk tahun 2025. Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran latihan bolehlah dibuat melalui Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM). Segala kerjasama dan perhatian daripada pihak YBhg. Datuk berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK ZULKIFLI BIN ABIDIN)

Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam

b.p: Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri

s.k:

YBhg. Datuk KSU

YBhg. Dato' TKSU (K)

SUB (PKK)

Ketua Polis Negara

Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia

Bukit Aman

50560 Kuala Lumpur

(u.p: Pengarah Pengurusan PDRM)

No Faks: 03-22731629

JADUAL PERLAKSANAAN PROGRAM LATIHAN 'CERTIFIED SECURITY GUARD' (CSG) BAGI TAHUN 2025

BULAN	SIRI	TARIKH	LOKASI PUSAT LATIHAN	ZON	KAPASITI	
JANUARI	SIRI 1	04 JAN - 09 JAN	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	600
		05 JAN - 10 JAN	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
		05 JAN - 10 JAN	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
		12 JAN - 17 JAN	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
	SIRI 2	18 JAN - 23 JAN	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	700
		19 JAN - 24 JAN	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		19 JAN - 24 JAN	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
		19 JAN - 24 JAN	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
FEBRUARI	SIRI 3	01 FEB - 06 FEB	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	800
		02 FEB - 07 FEB	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		02 FEB - 07 FEB	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
		02 FEB - 07 FEB	PULAPOL SEGAMAT	SELATAN	150	
		09 FEB - 14 FEB	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
	SIRI 4	15 FEB - 20 FEB	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	1050
		16 FEB - 21 FEB	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		16 FEB - 21 FEB	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
		16 FEB - 21 FEB	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
		23 FEB - 28 FEB	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		23 FEB - 28 FEB	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
APRIL	SIRI 5	05 APR - 10 APR	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	650
		13 APR - 16 APR	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		13 APR - 16 APR	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
		13 APR - 16 APR	PULAPOL SEGAMAT	SELATAN	150	
	SIRI 6	19 APR - 24 APR	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	1000
		20 APR - 25 APR	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		20 APR - 25 APR	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
		20 APR - 25 APR	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
		20 APR - 25 APR	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
		20 APR - 25 APR	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
MEI	SIRI 7	03 MEI - 08 MEI	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	1450
		04 MEI - 09 MEI	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		04 MEI - 09 MEI	MAKTAB TEKNIK BAKRI PDRM	SELATAN	300	
		04 MEI - 09 MEI	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
		04 MEI - 09 MEI	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
		11 MEI - 16 MEI	PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	300	
		11 MEI - 16 MEI	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
	SIRI 8	17 MEI - 22 MEI	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	1350
		18 MEI - 23 MEI	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		18 MEI - 23 MEI	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
		18 MEI - 23 MEI	MAKTAB TEKNIK BAKRI PDRM	SELATAN	300	
		18 MEI - 23 MEI	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
		18 MEI - 23 MEI	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
		25 MEI - 30 MEI	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	

JUN	SIRI 9	08 JUN - 13 JUN	PULAPOL SEGAMAT	SELATAN	150	1750
		14 JUN - 19 JUN	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	
		15 JUN - 20 JUN	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		15 JUN - 20 JUN	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
		15 JUN - 20 JUN	MAKTAB TEKNIK BAKRI PDRM	SELATAN	300	
		15 JUN - 20 JUN	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
		15 JUN - 20 JUN	PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	300	
		15 JUN - 20 JUN	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
	15 JUN - 20 JUN	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150		
	SIRI 10	21 JUN - 26 JUN	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	450
22 JUN - 27 JUN		MAKTAB TEKNIK BAKRI PDRM	SELATAN	300		
JULAI	SIRI 11	05 JUL - 10 JUL	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	1100
		06 JUL - 11 JUL	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
		13 JUL - 18 JUL	PUSAT LATIHAN PGA ULU KINTA	UTARA	150	
		13 JUL - 18 JUL	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
		13 JUL - 18 JUL	PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	300	
		13 JUL - 18 JUL	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
	SIRI 12	19 JUL - 24 JUL	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	950
		20 JUL - 25 JUL	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		20 JUL - 25 JUL	MAKTAB TEKNIK BAKRI PDRM	SELATAN	300	
		20 JUL - 25 JUL	PULAPOL SEGAMAT	SELATAN	150	
27 JUL - 01 OGOS	PULAPOL SARAWAK	SARAWAK	150			
OGOS	SIRI 13	02 OGOS - 07 OGOS	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	950
		03 OGOS - 08 OGOS	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		03 OGOS - 08 OGOS	PULAPOL BUKIT SENTOSA	TENGAH	300	
		03 OGOS - 08 OGOS	MAKTAB TEKNIK BAKRI PDRM	SELATAN	300	
	SIRI 14	10 OGOS - 15 OGOS	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	1000
		10 OGOS - 15 OGOS	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
		10 OGOS - 15 OGOS	PULAPOL SEGAMAT	SELATAN	150	
		16 OGOS - 21 OGOS	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	
		17 OGOS - 22 OGOS	PULAPOL SARAWAK	SARAWAK	150	
		24 OGOS - 29 OGOS	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
SEPTEMBER	SIRI 15	06 SEPT - 11 SEPT	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	650
		07 SEPT - 12 SEPT	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		07 SEPT - 12 SEPT	MAKTAB TEKNIK BAKRI PDRM	SELATAN	300	
	SIRI 16	20 SEPT - 25 SEPT	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	1100
		21 SEPT - 26 SEPT	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		21 SEPT - 26 SEPT	MAKTAB TEKNIK BAKRI PDRM	SELATAN	300	
		21 SEPT - 26 SEPT	PULAPOL SEGAMAT	SELATAN	150	
		21 SEPT - 26 SEPT	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
21 SEPT - 26 SEPT	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150			
OKTOBER	SIRI 17	04 OKT - 09 OKT	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	900
		05 OKT - 10 OKT	MAKTAB TEKNIK BAKRI PDRM	SELATAN	300	
		12 OKT - 17 OKT	PULAPOL SEGAMAT	SELATAN	150	
		12 OKT - 17 OKT	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
		19 OKT - 24 OKT	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
	SIRI 18	25 OKT - 30 OKT	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	700
		26 OKT - 31 OKT	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		26 OKT - 31 OKT	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
		26 OKT - 31 OKT	PULAPOL SEGAMAT	SELATAN	150	

NOVEMBER	SIRI 19	01 NOV - 06 NOV	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	800
		02 NOV - 07 NOV	PULAPOL SEGAMAT	SELATAN	150	
		09 NOV - 14 NOV	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		09 NOV - 14 NOV	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
		09 NOV - 14 NOV	PULAPOL KOTA KINABALU	SABAH	150	
	SIRI 20	15 NOV - 20 NOV	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	500
		16 NOV - 21 NOV	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
23 NOV - 28 NOV		PULAPOL SEGAMAT	SELATAN	150		
DISEMBER	SIRI 21	06 DIS - 11 DIS	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	700
		07 DIS - 12 DIS	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
		07 DIS - 12 DIS	PULAPOL AIR HITAM	SELATAN	200	
		07 DIS - 12 DIS	PULAPOL KUCHING	SARAWAK	150	
	SIRI 22	13 DIS - 18 DIS	PULAPOL DUNGUN	TIMUR	150	350
		14 DIS - 19 DIS	PULAPOL KUALA LUMPUR	TENGAH	200	
					19500	19500